

MAJLIS PEMBUKAAN RASMI HOTEL LEGEND, KUALA LUMPUR

HOTEL LEGEND, KUALA LUMPUR, 9 DISEMBER 1994

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah Metroplex dan pihak pengurusan The Legend Hotel kerana menjemput saya untuk merasmikan hotel yang indah ini. Pembinaan hotel ini adalah satu langkah yang selaras dengan usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan lagi kemudahan penginapan di Kuala Lumpur supaya dapat menarik lebih ramai lagi pelancong dari dalam dan luar negeri.

2. Saya difahamkan usaha Metroplex ini merupakan pelaksanaan perancangan strategik yang pelbagai, iaitu daripada perhotelan bertaraf lima bintang hingga ke lapangan telekomunikasi serta usahasama dan pelaburan antarabangsa.

3. Penempatan The Legend Hotel di dalam satu kompleks dengan sistem yang menyatukan kemudahan-kemudahan hotel dan 'service apartment', pusat membeli-belah, ruang pejabat dan tempat-tempat riadah merupakan satu konsep yang amat 'sensible' yang tentu sekali akan dapat menarik minat lebih ramai para pelancong dan pembeli-belah di Kuala Lumpur.

4. Saya diberitahu projek The Legend Hotel dan Apartments ini menelan belanja lebih kurang RM220 juta dan terdiri daripada 447 bilik dan 213 unit 'service apartment', dengan segala kelengkapan termoden dan canggih. Dengan itu, ia merupakan antara hotel-pangsapuri sepadu penuh yang terulung diusahakan di Malaysia.

5. Dengan mengadunkan unsur-unsur kelainan yang 'avant-garde' daripada segi gaya, rekabentuk dan kualiti dalam kompleks hotel yang mewah ini, jelas ia berjaya mengetengahkan satu citra baru dalam sektor perhotelan, iaitu melalui rangkaian 'The Legend Hotels and Resorts'.

6. Usaha pihak pengurusan Metroplex ini tentu sekali akan dapat membantu usaha-usaha Kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan di negara ini. Sesungguhnya pelancongan telah menjadi satu aktiviti ekonomi yang penting dalam pembangunan ekonomi negara. Pertumbuhan sektor pelancongan sering dikaitkan dengan peningkatan peluang-peluang pekerjaan, pendapatan, nilai ditambah dan pengwujudan rangkaian yang kukuh dengan sektor-sektor ekonomi lain. Oleh itu segala usaha daripada pihak swasta yang dapat membantu menggalakkan industri pelancongan negara akan dialu-alukan oleh Kerajaan. Memandangkan tahun 1994 adalah juga Tahun Melawat Malaysia, maka pembinaan The Legend Hotel ini adalah sesuai dan tepat sekali dengan perancangan dan strategi Kerajaan untuk mempelbagaikan aktiviti sektor pelancongan. Kini sektor pelancongan adalah industri penyokong ketiga yang terpenting

selepas perkilangan dan petroleum galian. Ia juga akan menolong mengurangkan defisit yang besar dalam dagangan 'invisible' atau dagangan tidak ketara.

7. Sejak tahun 1980 hingga Julai 1994 sebanyak 320 projek hotel yang melibatkan pelaburan sebanyak RM11,183 juta telah diluluskan. Daripada jumlah ini, sebanyak RM8,471 juta ataupun 76 peratus merupakan pelaburan tempatan, manakala pelaburan asing merupakan hanya 24 peratus ataupun sebanyak RM2,713 juta.

8. Bagi tahun 1993 sahaja sebanyak RM1,899 juta telah dilaburkan di dalam projek perhotelan, yang mana merupakan peningkatan sebanyak 164 peratus berbanding dengan RM718 juta pada tahun 1992. Jumlah bilangan projek hotel yang diluluskan juga telah meningkat daripada 14 projek pada tahun 1992 kepada 57 projek pada tahun 1993. Bagi tujuh bulan pertama tahun ini, sebanyak 19 projek hotel telah diluluskan yang melibatkan pelaburan modal yang dicadangkan sebanyak RM211 juta.

9. Industri hotel, khususnya di kawasan bandar telah berkembang dengan majunya dan ini pasti akan dapat menampung keperluan penginapan pelancong-pelancong baik dari luar mahu pun dari dalam negeri. Sungguhpun industri pelancongan begitu giat berkembang, potensinya masih belum diterokai sepenuhnya. Justeru itu, pihak swasta harus bekerjasama dengan Kerajaan dalam usaha memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan lebih inovatif dalam penyediaan khidmat-khidmat untuk pelancongan dan memperluaskan peluang-peluang untuk pembangunan industri ini di negara ini.

10. Saya amat berbangga dengan usaha-usaha para usahawan tempatan kita yang sentiasa peka terhadap seruan Kerajaan untuk bersama-sama menyumbang terhadap perkembangan ekonomi negara, khususnya dalam memastikan Malaysia berjaya menjadi sebuah negara industri menjelang tahun 2020. Dalam hubungan ini usaha Metroplex merupakan satu tindakan yang harus diteladani oleh sektor swasta.

11. Kerajaan berbangga kerana pihak Metroplex telah menunjukkan sikap yang prihatin dan pro-aktif terhadap rancangan-rancangan Kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan. Semoga segala hasil kejayaan yang dinikmati nanti akan dapat memanfaatkan seluruh lapisan masyarakat serta meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia amnya.

12. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan The Legend Hotel Kuala Lumpur.